

**Hubungan Cuba-Malaysia Terus Berkembang, Kata Duta Cuba Ke M'sia
Bernama
5 September, 2012**

JOHOR BAHRU, 5 Sept (Bernama) -- Hubungan Cuba-Malaysia akan terus berkembang pada tahun-tahun akan datang, kata Duta Cuba ke Malaysia Ruben Perez Valdes.

Selepas 37 tahun hubungan kedua-dua negara berkenaan terjalin, ia telah membuahakan hasil dan bermakna dalam pelbagai bidang seperti politik, ekonomi, perdagangan, perubatan, pendidikan, sukan dan hubungan antara rakyat kedua-dua negara.

"Kami juga memberi biasiswa penuh kepada pelajar Malaysia yang mengambil kursus perubatan di Cuba," katanya selepas memberi penghormatan kepada mangsa tragedi Tanjung Kupang di Tanjung Kupang Memorial, Jalan Kebun Teh, di sini Rabu.

Turut hadir ialah isteri Valdes, Ileana Garcia de Perez dan Setiausaha Kedua beliau, Nestor Torres.

Empat pelajar Malaysia berlepas ke Havana bulan lepas untuk mengikuti pengajian perubatan di bawah biasiswa yang dibiayai oleh kerajaan Cuba.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=692217>